

**THE CONCEPT OF *SHAUKAH* ACCORDING TO THE EARLY SCHOLARS AND ITS APPLICATION IN THE CONTEXT OF POLITICAL POWER SHARING IN MALAYSIA**

**KONSEP *SHAUKAH* DI SISI ULAMA SILAM DAN APLIKASINYA DALAM KONTEKS PERKONGSIAN KUASA PEMERINTAHAN DI MALAYSIA**

<sup>i</sup> Mohd Hazizi Ab Rahman, <sup>ii</sup> Wan Zulkifli Wan Hassan & <sup>iii</sup> Shamsul Azhar Yahya

<sup>i</sup>(Corresponding author) Pelajar PhD, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia. p92960@siswa.ukm.edu.my

<sup>ii</sup>Pensyarah, Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia. wenzoul@ukm.edu.my

<sup>iii</sup>Pensyarah, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia. hjshamsul@ukm.edu.my

<b>ABSTRACT</b>	<p><i>Islam demands that Muslims have absolute power in their country, based on many scriptures and scholarly consensus. However, this demand is seen as almost impossible to be implemented in the context of political power sharing between races in Malaysia which practices democracy. First of all, this study aims to analyze the concept of shaukah according to the early scholars. Secondly, to identify the application of the concept in the current political power sharing situation in this country. From the two objectives, the importance of the concept of shaukah in the reality of power sharing can be identified. This qualitative study uses the descriptive thematic analysis method in describing the concept of shaukah. Findings from this analysis are then used as the basis for framing the application of the shaukah concept in some key issues related to the current political power sharing, guided by some qawa'id sharia as a theoretical framework. The study found that shaukah is the most important interests of Muslims in the context of power struggle, because it turns out that it is an ʿillah al-hukm for political behavior and its application today demands a re-evaluation of some of the political stances of Muslims in this country.</i></p> <p>Keyword: <i>Shaukah, Power Sharing, Maslahah, Maqasid Sharia</i></p>
<b>ABSTRAK</b>	<p><i>Islam menuntut agar umat Islam berkuasa mutlak dalam negara mereka, berdasarkan banyak nas dan ijmak para ulama. Namun tuntutan ini dilihat hampir mustahil dapat dilaksanakan dalam konteks perkongsian kuasa pemerintahan antara kaum di Malaysia yang mengamalkan sistem demokrasi. Pertamanya, kajian ini bertujuan untuk menganalisis konsep shaukah di sisi ulama silam. Kedua, untuk mengenal pasti aplikasi konsep tersebut dalam situasi perkongsian kuasa politik semasa di negara ini. Daripada kedua-dua objektif itu dapat dikenal pasti kepentingan konsep shaukah dalam realiti perkongsian kuasa tersebut. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisis tematik deskriptif dalam menghuraikan konsep shaukah. Dapatan daripada analisis ini kemudiannya dijadikan asas pementakan aplikasi konsep shaukah dalam beberapa isu utama berkaitan perkongsian kuasa politik semasa, berpandukan beberapa kaedah syarak sebagai kerangka teori. Kajian mendapati shaukah adalah kemaslahatan umat Islam paling utama dalam konteks perebutan kuasa, kerana ternyata</i></p>

	<p><i>ia adalah cillah hukum bagi tingkah laku politik dan aplikasinya pada hari ini menuntut penilaian kembali beberapa pendirian politik umat Islam di negara ini.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Shaukah, Perkongsian Kuasa, Masalahah, Maqasid Syariah</i></p>
--	---

## PENDAHULUAN

Islam menuntut agar umat Islam berkuasa mutlak dalam negara mereka, berdasarkan dalil-dalil nas yang muhtamad serta ijmak ulama (al-Juwayni, 2014). Sehubungan itu, Rasulullah S.A.W. sendiri menunjukkan teladan, bagaimana Baginda memulakan dakwah di kota Mekah yang dikuasai secara mutlak oleh orang-orang kafir Quraisy, menggunakan pendekatan dakwah secara rahsia di samping memanfaatkan pengaruh sosial Baginda untuk mempengaruhi kelompok sasaran dakwah serta pengaruh sosial Abu Talib untuk melindungi keselamatan diri. Setelah kematian Abu Talib, Baginda berusaha untuk mendapatkan kuasa yang boleh melindungi dakwah. Usaha Rasulullah S.A.W. untuk berkuasa akhirnya mencapai sasaran, apabila Baginda menjadi ketua negara yang berkuasa penuh di Madinah, yang kemudiannya disempurnakan kekuasaan Madinah itu dengan arahan Allah S.W.T. agar orang-orang kafir di sekitar Semenanjung Tanah Arab diberi pilihan sama ada memeluk agama Islam atau tunduk akur di bawah kuasa Madinah, dengan keakuran yang mutlak, tanpa sebarang perkongsian kuasa (Ibnu al-Qayyim, t.th.).

Bagaimanapun, situasi pada hari ini sudah banyak berubah. Orang Islam dan bukan Islam berkongsi kuasa, dalam sebuah negara majmuk yang majoriti penduduknya beragama Islam. Perkongsian kuasa pada mulanya berbentuk hegemoni politik orang Melayu, yang pada hakikatnya hegemoni orang Islam, akhirnya sudah berubah kepada keadaan yang disifatkan oleh para penyelidik sebagai kontra hegemoni politik orang Melayu, yang salah satu fenomenanya ialah ketidakakuran orang bukan Islam pada pemerintahan majoriti orang Islam (Noor Sulastry & Nor Azila, 2013; Wan Norshira, 2019). Situasi tidak berkuasa mutlak ini pernah berlaku di zaman para ulama silam. Sehubungan itu, terdapat satu keperluan untuk meninjau bagaimana konsep *shaukah* di sisi ulama silam dan bagaimana konsep tersebut dapat dipraktikkan dalam situasi semasa negara demi memastikan maqasid syariah dalam konteks politik dapat disempurnakan.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

1. Menganalisis konsep *shaukah* di sisi para ulama silam.
2. Mengaplikasi konsep *shaukah* dalam realiti tahap kuasa semasa umat Islam di Malaysia.
3. Mengenal pasti *masalahah* paling utama bagi umat Islam Malaysia dalam perkongsian kuasa politik.

## METODOLOGI

Kajian ini bersifat kualitatif, melalui proses menganalisis kandungan dokumen, terutamanya kitab-kitab karangan ulama muhtabar yang membicarakan mengenai *shaukah* dalam pelbagai topik berkaitan pemerintahan, menggunakan kaedah analisis tematik deskriptif dalam menghuraikan konsep *shaukah*. Selain itu, kajian-kajian kontemporari dijadikan rujukan sebagai sandaran dalam pemerian realiti tahap kuasa umat Islam di Malaysia masa kini. Konsep *shaukah* yang dianalisis daripada penulisan ulama silam tersebut kemudiannya dibahaskan menurut beberapa kaedah syarak yang dijadikan sebagai kerangka teori dalam mengaplikasikan konsep *shaukah* dalam realiti politik semasa.

## DAPATAN KAJIAN

Menurut Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (2021), *shaukah* mempunyai beberapa makna. Makna asalnya dan yang paling banyak digunakan ialah duri. *Shaukah* juga merujuk kepada alat yang boleh mendatangkan bahaya seperti garfu dan senjata secara umum, selain

digunakan untuk mengungkapkan daya dan kekuatan. Sultan Abdul Hamid II, mengungkapkan kehadiran orang-orang Yahudi yang berhijrah ke jajahan takluk empayar Turki Uthmaniyyah sebagai satu tusukan *shaukah* atau duri ke batang tubuh empayar (Abdul Majid, 1986).

Perkataan *shaukah* disebut dalam al-Quran melalui Surah al-Anfal ayat ketujuh. Imam al-Tabari (2000) menukilkan beberapa buah riwayat yang membawa maksud bahawa perkataan *shaukah* dalam ayat tersebut merujuk kepada angkatan perang Quraish yang keluar untuk memerangi pasukan Rasulullah S.A.W. yang cuba untuk merampas kafilah dagangan Abu Sufyan. Kafilah dagangan itu tiada *shaukah*, manakala angkatan perang Quraish mempunyai *shaukah*. Para sahabat berharap agar mereka tidak perlu bertembung dengan angkatan perang Quraish. Situasi ini merujuk kepada peristiwa Peperangan Badar.

Ibnu 'Ashur (1984), ketika mentafsirkan perkataan *shaukah* dalam ayat yang sama, menyatakan bahawa maksud asal *shaukah* ialah duri yang terdapat pada sesetengah tumbuhan, kemudian dipinjam sebagai istilah yang membawa makna kekuatan ekstrem yang digeruni. Sehubungan itu, ayat tersebut menggambarkan impian para sahabat yang menyertai Rasulullah S.A.W. untuk mendapatkan harta tanpa sebarang pertempuran dengan mana-mana pasukan tentera yang mempunyai kekuatan yang ekstrem, kerana bilangan para sahabat hanya di sekitar 313 orang tanpa sebarang persediaan untuk berperang, berbanding kekuatan yang dimiliki oleh pasukan tentera Quraish yang melebihi 1000 orang dan memang keluar dengan tujuan untuk berperang.

Para ulama juga mengungkapkan kekuatan yang ada pada Rasulullah S.A.W. sebagai *shaukah*. Imam al-Ghazali (1996) menyatakan bahawa Rasulullah S.A.W. diperintahkan agar melakukan dakwah dan bersabar atas segala rintangan yang menimpa tanpa membalas serangan musuh, sebelum Baginda S.A.W. mempunyai *shaukah*, iaitu kekuatan untuk menyerang balas mempertahankan diri dengan senjata.

Ibnu al-Qayyim (1998) menyatakan bahawa siasah Rasulullah S.A.W. terhadap penduduk dunia yang bukan Muslim, terbahagi kepada tiga pendekatan. Pertama ialah Baginda akan memerangi pihak yang memerangi Baginda, sehingga mereka memeluk agama Islam. Kedua, jika mereka tidak memeluk agama Islam, mereka boleh melakukan perjanjian damai. Jika mereka enggan memeluk Islam dan enggan membuat perjanjian damai, mereka akan diperangi sehingga dipaksa tunduk di bawah kekuasaan Baginda dengan membayar jizyah. Tindakan membiarkan orang-orang kafir berada dalam keadaan kuat, dalam erti kata mereka memiliki *shaukah*, adalah bertentangan dengan firman Allah S.W.T. dalam Surah al-Taubah ayat 29 dan ayat 40, serta Surah al-Anfal ayat 39, yang membawa maksud Islam mesti berada di kedudukan paling tinggi dan paling berkuasa, manakala orang-orang kafir mesti tunduk dan berada dalam kedudukan yang rendah seraya membayar jizyah kepada kuasa Islam.

Berikut ialah ayat-ayat al-Quran yang dimaksudkan di atas:

﴿ قَاتِلُوا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ. وَلَا يَدِينُونَ دِينَ الْحَقِّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حَتَّى يُعْطُوا الْجِزْيَةَ عَنْ يَدٍ وَهُمْ صَاغِرُونَ ﴾

Maksudnya, "Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak beriman kepada hari akhirat, dan mereka pula tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan RasulNya, dan tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu dari orang-orang yang diberikan Kitab (kaum Yahudi dan Nasrani), sehingga mereka membayar "Jizyah" dengan keadaan taat dan merendahkan diri" (Al-Quran. At-Taubah: 29).

﴿ إِلَّا تَنْصُرُوهُ فَقَدْ نَصَرَهُ اللَّهُ إِذْ أَخْرَجَهُ الَّذِينَ كَفَرُوا ثَانِيًا إِنَّنِي إِذْ هُمَا فِي الْعَارِ إِذْ يَقُولُ لِصَاحِبِهِ لَا تَحْزَنْ إِنَّ اللَّهَ مَعَنَا فَأَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَيْهِ وَأَيَّدَهُ بِجُنُودٍ لَمْ تَرَوْهَا وَجَعَلَ كَلِمَةَ الَّذِينَ كَفَرُوا السُّفْلَىٰ ۗ وَكَلِمَةُ اللَّهِ هِيَ الْعُلْيَا ۗ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴾

Maksudnya, "Kalau kamu tidak menolongnya (Nabi Muhammad) maka sesungguhnya Allah telahpun menolongnya, iaitu ketika kaum kafir (di Makkah) mengeluarkannya (dari negerinya Makkah) sedang ia salah seorang dari dua (sahabat) semasa mereka berlindung di dalam gua, ketika ia berkata kepada sahabatnya: "Janganlah engkau berdukacita, sesungguhnya Allah bersama kita". Maka Allah menurunkan semangat tenang tenteram kepada (Nabi Muhammad) dan menguatkannya dengan bantuan tentera (malaikat) yang kamu tidak melihatnya. Dan Allah menjadikan seruan (syirik) orang-orang kafir terkebawah (kalah dengan sehinah-hinanya), dan Kalimah Allah (Islam) ialah yang tertinggi (selama-lamanya), kerana Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana" (Al-Quran. At-Taubah: 40).

﴿وَقُلُوبُهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ ۖ وَيَكُونَ آلِدِينُ كُلُّهُ ۗ لِلَّهِ فَإِنِ آتَاهَا فَمَا يَمْلِكُونَ بِصِيرٍ ۗ﴾

Maksudnya, "Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah, dan (sehingga) menjadilah agama itu seluruhnya (bebas) bagi Allah semata-mata. Kemudian jika mereka berhenti (dari kekufurannya dan gangguannya, nescaya mereka diberikan balasan yang baik) kerana sesungguhnya Allah Maha Melihat akan apa yang mereka kerjakan" (Al-Quran. Al-Anfal: 39).

Imam al-Juwayni (2014), pertama kali mengutarakan persoalan *shaukah* dalam kitabnya al-Ghiyathi apabila membincangkan isu bilangan pemilih, yang bertanggungjawab untuk melantik *al-imam* atau ketua negara. Istilah yang diguna pakai dalam kitab tersebut ialah *ahlu al-halli wa al-aqdi*. Selepas membawakan pelbagai pendapat para ulama tentang bilangan pemilih yang sah, untuk melantik ketua negara, beliau berpandangan bahawa *shaukah* adalah faktor kritikal bagi penyelesaian perbezaan pendapat itu. *Shaukah* yang beliau maksudkan ialah kekuatan pengaruh yang dimiliki oleh pemilih yang melantik ketua negara itu mampu menundukkan sebarang pihak yang mempertikaikan pemilihan dan pelantikannya, jika ada, walaupun pemilih tersebut hanyalah seorang individu sahaja. Imam al-Juwayni berpandangan demikian berdasarkan peristiwa pemilihan dan pelantikan Abu Bakar R.A. sebagai khalifah yang pertama. Pemilih dan pelantik Abu Bakar R.A. ialah Umar R.A. seorang sahaja. Selepas Umar R.A. memilih dan melantik Abu Bakar R.A., berduyunlah para sahabat melakukan perjanjian taat setia kepada Abu Bakar R.A., tanpa ada sebarang bantahan dan pertikaian yang signifikan terhadap pemilihan dan pelantikan Abu Bakar R.A. oleh Umar R.A. Berdasarkan peristiwa ini, Imam al-Juwayni menjadikan *shaukah* sebagai kayu ukur terhadap kesahan pemilihan dan pelantikan seseorang ketua negara. Oleh yang demikian, bilangan pemilih dan pelantik tidak menjadi isu lagi. Selagi mana wujudnya *shaukah* pada pemilih dan pelantik, maka pemilihan dan pelantikan mereka adalah sah, walaupun pemilih dan pelantik itu cuma seorang individu.

Persoalan *shaukah* dalam konteks bilangan pemilih dan pelantik ini selari dengan pernyataan Imam al-Juwayni (2014) tentang tujuan wajibnya ada ketua negara, iaitu untuk meletakkan rakyat di bawah kepimpinan seorang ketua, demi mengelakkan situasi huru hara yang membawa kepada kejatuhan kuasa umat Islam ke tangan musuh. Jika tujuan itu dapat dicapai dengan keupayaan pengaruh seorang pemilih dan pelantik sahaja, yang mampu memobilisasi sokongan majoriti dan kekuatan ketenteraan bagi menundukkan sebarang bantahan, maka yang demikian itu sudah mencukupi dan lantikan itu sah menurut syarak.

Sebagaimana persoalan *shaukah* ini dititik beratkan oleh al-Juwayni (2014) semasa pelantikan ketua negara, beliau juga menekankan peri penting *shaukah* semasa pelucutan jawatan tersebut. Berdasarkan perbincangan mengenai pelucutan jawatan ketua negara dalam kitab al-Ghiyathi, al-Juwayni (2014) menekankan beberapa kali tentang situasi seorang ketua negara yang sepatutnya dilucutkan jawatan, namun pelucutan itu tidak dapat dilaksanakan tanpa menggunakan kekerasan, memandangkan ketua itu memiliki *shaukah* dan enggan melepaskan jawatan. Situasi ini menyebabkan rakyat berhadapan dengan dua pilihan kemudaran. Pertama, kemudaran kezaliman ketua negara tersebut. Kedua, kemudaran akibat perang saudara untuk melucutkan jawatan ketua negara tersebut. Di

sini, *shaukah* yang dimiliki oleh ketua negara yang zalim itu diambil kira dalam menimbang antara *maslahah* dan *mafsadah* dalam proses melucutkannya daripada jawatan tersebut. Semuanya atas perkiraan menjaga salah satu tujuan utama wujudnya pemerintahan dalam Islam, iaitu mengelakkan situasi huru hara yang membawa kepada kejatuhan kuasa umat Islam ke tangan musuh.

Imam al-Juwayni (2014) juga mengemukakan persoalan *shaukah* apabila membicarakan situasi *imamatul mafdul*, iaitu situasi ketua negara bukan orang yang afdal ketika wujudnya individu yang afdal. Jika terdapat dua orang calon untuk menjadi ketua negara, maka pemilih dan pelantik hendaklah memilih dan melantik calon yang afdal, sebagai satu kewajiban yang muktamad. Namun, jika calon yang bukan afdal dilantik, dalam keadaan dia mempunyai *shaukah* berbanding calon yang afdal, maka pelantikannya itu sah, kerana tindakan sebaliknya, iaitu tidak mengiktiraf pelantikan itu, diyakini boleh membawa kepada keadaan huru hara yang menjuruskan umat kepada kemusnahan umum.

*Shaukah* juga diaplikasikan sebagai wasilah bagi mendapatkan *maslahah* dakwah kepada orang-orang kafir. Imam al-Juwayni (2014) menyatakan bahawa fungsi ketua negara terbahagi kepada dua, iaitu yang berkaitan dengan agama dan yang berkaitan dengan dunia. Fungsi yang berkaitan dengan agama pula terbahagi kepada dua; menjaga asas-asas agama dan menjaga cabang-cabangnya. Fungsi menjaga asas-asas agama terbahagi pula kepada dua. Pertama, menjaga agama orang-orang beriman. Kedua, berdakwah kepada orang-orang kafir. Tanggungjawab pemerintah untuk berdakwah kepada orang-orang kafir ini mempunyai dua kaedah, secara berurutan. Pertama melakukan dakwah menggunakan hujah-hujah serta bukti-bukti yang nyata tentang kebenaran agama Islam. Jika kaedah yang pertama ini tidak berkesan, iaitu orang-orang kafir kekal dalam agama mereka dan enggan memeluk agama Islam, maka dakwah dilakukan menerusi kaedah kedua, iaitu menggunakan kekuatan *shaukah* untuk menundukkan mereka dari segi politik, agar mereka menjadi rakyat yang menumpahkan taat setia kepada negara. Kedua-dua kaedah ini disimpulkan oleh al-Juwayni dengan dua perkataan, iaitu sama ada orang kafir itu menjadi Muslim atau *musalim*, yang bermaksud tunduk dan akur.

Penggunaan *shaukah* dalam menundukkan orang-orang kafir di bawah kuasa Islam ini diulangi perbahasannya oleh Imam al-Juwayni (2014) dengan lebih terperinci apabila beliau membahaskan tanggungjawab ketua negara melancarkan jihad, dalam kerangka fungsinya menjaga urusan dunia. Fungsi ketua negara dalam menjaga urusan dunia terbahagi kepada dua. Pertama, memperluaskan wilayah kekuasaan pemerintahan Islam. Kedua, memelihara wilayah kekuasaan sedia ada. Ketua negara bertanggungjawab melancarkan jihad ke atas orang-orang kafir dalam dua peringkat. Peringkat pertama ialah berdakwah menggunakan hujah-hujah dan bukti-bukti yang menjelaskan kebenaran Islam kepada orang-orang kafir. Jika peringkat pertama ini tidak berjaya mengislamkan orang-orang kafir, maka ketua negara hendaklah melancarkan jihad untuk menundukkan mereka di bawah kuasa pemerintahan Islam, menggunakan kekuatan *shaukah* (al-Juwayni, 2014).

Seterusnya kekuatan *shaukah* juga diperlukan untuk memelihara wilayah kekuasaan sedia ada, dengan menundukkan sebarang cubaan menceroboh daripada pihak orang-orang kafir dari luar negara serta cubaan memberontak dari dalam negara daripada anasir *bughah* yang bukan sahaja enggan tunduk pada undang-undang negara malah berniat untuk berpisah dan menubuhkan negara berasingan jika tidak berjaya merampas keseluruhan negara (al-Juwayni, 2014).

*Shaukah* juga menjadi titik perbahasan Imam al-Juwayni (2014) ketika mengungkapkan kesiapsiagaan pasukan tentera dalam mempertahankan negara jika diserang, tetapi memerlukan kekuatan tambahan jika dikerah untuk menyerang negara lain. Secara khusus, kekuatan tambahan itu bermaksud tambahan bajet untuk persenjataan dan kelengkapan perang. Ungkapan sebegini menunjukkan bahawa *shaukah* di sisi al-Juwayni tidak bermakna kekuatan sempurna atau total, sebaliknya satu tahap kekuatan yang boleh mengalahkan pihak lawan, jika diserang. Tahap kekuatan yang sama juga boleh difahami ketika al-Juwayni membahaskan persoalan *shaukah* dalam konteks pelantikan

ketua negara, dalam erti kata pasukan ketua negara boleh mengalahkan pemberontak, jika dicabar.

Tahap kekuatan *shaukah* ini juga diambil kira dalam mengiktiraf pentadbiran yang dijalankan oleh *bughah* atau kumpulan pemberontak yang berjaya menguasai sebahagian daripada wilayah kekuasaan negara Islam. Jika *bughah* itu mempunyai *shaukah* ke atas seluruh rakyat yang berada dalam wilayah yang dikuasainya, maka segala keputusan pentadbiran seperti pelantikan hakim serta keputusan mahkamahannya adalah sah dan berkuat kuasa ke atas rakyat dalam wilayah tersebut (al-Juwayni, 2014).

Imam al-Ghazali (t.th.) menyatakan bahawa para ulama menetapkan sepuluh sifat yang mesti ada pada seseorang sebagai syarat untuk menjadi pemerintah. Enam daripadanya adalah sifat-sifat semula jadi, manakala empat lagi sifat-sifat yang boleh diusahakan. Sifat pertama daripada empat sifat yang boleh diusahakan ini ialah *Najdah*, iaitu zahirnya *shaukah* dengan kekuatan ketenteraan yang lengkap serta kesepaduan pengikut dan penyokong yang mampu melawan dan mengekang puak pemberontak dan pelampau, serta memadamkan api fitnah dan kacau bilau sebelum merebak kemudaratanya.

*Shaukah* tidak bermakna ketaatan sempurna daripada pengikut dan penyokong pemerintah sepanjang masa. Sebahagian daripada mereka ada yang bertindak berdasarkan hawa nafsu dan melanggar arahan dan perintah pemerintah. Namun secara keseluruhan, mereka tidak menganggap pelanggaran yang mereka lakukan itu sebagai betul dan mereka juga tidak teragak-agak akan turun mempertahankan negara jika diancam musuh dan mereka menganggap itu sebagai jihad di jalan Allah. Imam al-Ghazali (t.th.) mengumpamakan isu ini seperti hamba Allah SWT, yang sebahagiannya terdiri dalam kalangan mereka yang melakukan maksiat, namun itu tidak bermakna mereka mengkufuri Allah SWT, malah mereka tidak teragak-agak bangkit mempertahankan Islam jika kesuciannya dicabar.

Imam al-Ghazali (t.th.) juga menjadikan *shaukah* sebagai faktor penentu dalam konteks pertembungan antara pemerintah dan pihak lawannya dalam kalangan puak *batiniyah*. Jika dihimpunkan seluruh puak penentang, termasuk kanak-kanak dan orang-orang tua, bilangan mereka tidak sampai satu persepuluh daripada bilangan penyokong dan pendukung pemerintah pada masa itu. Di sini, Imam al-Ghazali mengukur *shaukah* dari sudut bilangan pengikut yang menyokong dan mendukung pemerintah secara zahir, serta kerjasama dan kesepakatan dalam kalangan mereka.

Imam al-Ghazali (1996) ketika membahaskan sifat-sifat *bughah* meletakkan sifat pertama ialah mempunyai *shaukah* yang diuraikan sebagai mempunyai kekuatan untuk melawan ketua negara. Kekuatan yang dimaksudkan tidak disyaratkan sama tara dengan kekuatan ketua negara, kerana bilangan yang kecil juga boleh memenangi pertarungan. Cukup sekadar jangkaan bahawa mereka mempunyai peluang dan potensi untuk mengalahkan ketua negara. Ini tidak termasuk jika mereka berkubu di satu bahagian dalam wilayah ketua negara, maka yang demikian itu menuntut kekuatan tambahan di pihak ketua negara untuk mengalahkan mereka. Selain ini semua, *shaukah* yang dimaksudkan sudah tentunya memerlukan seseorang yang mereka taati sebagai ketua.

Ibnu Jama'ah (1988) menyatakan bahawa antara syarat yang menjadikan sesetengah pihak yang pemberontak itu dimasukkan ke dalam kategori *bughah* ialah mereka mempunyai *shaukah*, dalam erti kata mereka punyai ketua yang menyatupadukan mereka dan dalam masa yang sama pemerintah terpaksa menggunakan segala kekuatan harta dan tentera untuk menundukkan mereka.

Abdul Qadir 'Awdah (t.th.) menyatakan antara syarat bagi sesuatu kumpulan itu dikira *bughah*, ialah mempunyai *shaukah*. Beliau memaksudkan perkataan *shaukah* sebagai kekuatan yang diperoleh daripada penyokong yang mendukung pandangan yang sama dengan *bughah* dan kekuatan itu mampu mencetuskan revolusi atau perang saudara.

*Shaukah* di sisi Ibnu Khaldun (2017) juga diungkapkan sebagai *asobiyah*. *Shaukah* atau *asobiyah* ini adalah salah satu daripada dua asas kekuatan bagi sebuah pemerintahan negara beraja. *Asobiyah* yang dimaksudkan beliau ialah dukungan tidak berbelah bahagi

ahli keluarga, sanak saudara serta kaum kerabat yang mempunyai hubungan pertalian darah dengan raja. Dukungan kaum kerabat ini pula mempunyai pengaruh ke atas masyarakat dan membentuk lapisan penyokong yang lebih besar. Oleh itu, sebarang fenomena negatif yang membawa kepada terhakisnya *asobiyah* ini dengan sendirinya menyebabkan kegoyahan dan kelemahan asas kekuatan pemerintahan negara.

Berdasarkan pemerhatian Ibnu Khaldun (2017), kedua-dua Daulah Umawiyah dan Daulah ʿAbbasiyah terbina di atas asas kekuatan *asobiyah* kaum kerabat. Bagaimanapun, *asobiyah* kaum kerabat ini tidak kekal lama, apabila seorang demi seorang kaum keluarga yang dilihat boleh mengancam kedudukan raja ditekan, dihina dan dipinggirkan, setelah menikmati gaya hidup mewah. Hasilnya ramai kaum kerabat yang tunduk mendukung raja berasaskan ketakutan hilang keistimewaan dan kemewahan yang mereka telah biasa hidup dengannya. Segelintir yang enggan tunduk pula dibunuh. Situasi pergolakan dalaman ini membawa kepada keadaan lemahnya *asobiyah* kaum kerabat. Tetapi dalam masa yang sama muncul anasir, yang berada di luar lingkungan kaum kerabat, mengambil kesempatan daripada situasi pergolakan itu untuk mendekati raja dan memperoleh kedudukan yang tinggi dalam pemerintahan. Oleh itu *asobiyah* kaum kerabat itu kemudiannya beransur-ansur bertukar kepada *asobiyah* berasaskan habuan material melalui limpahan kemewahan hasil daripada hubungan yang rapat dengan raja.

Menurut Ibnu Khaldun (2017), tradisi pemerintahan beraja itu lama-kelamaan melahirkan generasi rakyat yang mentaati raja secara membuta tuli dan melihat sebarang tindakan membantah atau membangkang raja sebagai satu kesalahan yang tak sepatutnya berlaku. Apabila berlaku situasi begini, maka *asobiyah* dalam erti kata dukungan kuat lapisan masyarakat terdekat dengan raja tidak diperlukan lagi, sama ada *asobiyah* kaum kerabat mahupun *asobiyah* berasaskan habuan material. Kedua-dua Daulah Umawiyah dan ʿAbbasiyah mengalami proses kehilangan *asobiyah* ini dan akibatnya ialah keruntuhan empayar negara mereka dalam lipatan sejarah.

## PERBINCANGAN

### 1. Matlamat *Shaukah*

Berdasarkan dapatan pandangan para ulama silam tentang *shaukah*, dapat difahami bahawa matlamat yang ingin dicapai ialah untuk menjamin kedaulatan negara. Jaminan kedaulatan negara yang dimaksudkan boleh difahami dalam dua sudut. Pertama, untuk mengelakkan pertumpahan darah sesama Muslim. Kedua, untuk mengelakkan situasi pergolakan politik dalaman yang boleh membawa kepada situasi campur tangan asing, seterusnya memungkinkan tergadainya kuasa umat Islam ke atas watannya sendiri.

Perebutan kuasa dalam kalangan anak watan Muslim sudah tentu menimbulkan perpecahan. Perpecahan adalah satu fenomena yang tidak dapat dielakkan di sepanjang zaman. Namun perpecahan yang membawa kepada risiko pertumpahan darah sesama Muslim dan tergadainya kedaulatan kuasa umat Islam ke tangan orang bukan Islam adalah suatu kemudaratan yang wajib dielakkan. Tuntutan syarak ini menyebabkan para ulama memutuskan, sebagai contoh, tidak harus menurunkan pemimpin yang *mafdul* (bukan *afdal* seperti yang telah diterangkan di atas), jika usaha untuk memecatnya berkemungkinan besar mendedahkan negara kepada risiko keselamatan kedaulatan negara.

Jelas sekali keputusan para ulama tersebut berdasarkan kaedah syarak *sad zarai'*, iaitu menyekat kemudaratan nyawa akibat pertumpahan darah dan kemudaratan agama akibat penguasaan asing ke atas kedaulatan watan, berdasarkan kaedah syarak *ghalabah al-zan* atau jangkaan kuat tentang implikasi masa depan daripada konflik berkenaan.

Pendirian ini menunjukkan bahawa konflik politik perebutan kuasa sesama umat Islam seharusnya mempunyai batasan sempadan yang tidak boleh dilangkaui, walaupun atas alasan untuk mendapatkan pemerintah yang terbaik, jika kemudaratan di sebalik konflik itu lebih besar, berdasarkan kaedah syarak yang mafhumnya menuntut umat Islam agar menanggung kemudaratan kecil demi menolak kemudaratan yang lebih besar apabila tiada jalan untuk menolak kedua-duanya. Pendirian itu juga menunjukkan bahawa

kemudahan pertumpahan darah dan tergadainya kedaulatan kuasa umat Islam terhadap watan sendiri di tangan kuasa bukan Islam adalah lebih besar berbanding kemudahan menanggung pemimpin yang *mafdul*. Kesemua perkiraan ini adalah dalam konteks pemimpin yang *mafdul* itu mempunyai *shaukah* dan enggan memberikan laluan kepada pemimpin yang *afdal* secara sukarela.

Ibnu Khaldun (2017) yang mengungkapkan *shaukah* dengan bentuk *asobiyah*, telah berjaya menggambarkan dan membuktikan bagaimana pergolakan perebutan kuasa dalam kalangan umat Islam semasa pemerintahan Bani Umayyah dan Bani ʿAbbasiyah akhirnya telah menghakis kekuatan *shaukah* mereka sendiri dan memungkinkan kuasa asing dari sebelah Barat dan Timur untuk menawan sebahagian watan Islam seperti yang berlaku dengan kejatuhan Andalus dan Baghdad.

Imam al-Juwayni (2014) pula amat ketara menjadikan faktor *shaukah* sebagai sandaran dalam beberapa konteks, berkaitan hukum hakam *al-imamah* dalam kitab al-Ghiyathi, yang menjawab banyak persoalan pemerintahan yang timbul akibat pergolakan yang berlaku di zamannya, iaitu zaman perpecahan dunia Islam kepada banyak negara kecil dalam era khilafah ʿAbbasiyah atau *duwailat*, serta pertembungan pelbagai aliran kefahaman seperti muktazilah, syiah, *batiniyah* dan sebagainya. Imam al-Juwayni menekankan peri penting pemerintah mempunyai *shaukah*, satu tahap kekuatan yang mampu mengalahkan pihak lawan dalam konteks pergolakan politik dan aliran kefahaman tersebut, seterusnya menamatkan situasi yang boleh mengancam keselamatan kedaulatan negara, ketika era kemerosotan kuasa umat Islam secara keseluruhannya pada zaman itu.

## 2. Asas Kekuatan Manusia Dan Material Dalam *Shaukah*

Dari sudut lain, perbincangan para ulama silam mengenai *shaukah* telah menyentuh beberapa unsur penting yang dilihat sebagai asas *shaukah*. Unsur pertama yang paling ketara ialah kekuatan manusia, iaitu dukungan dan sokongan masyarakat, dalam jumlah yang ramai, melebihi jumlah dukungan dan sokongan pihak lawan. Unsur yang kedua pula bersifat material, berbentuk kekuatan ekonomi dan ketenteraan.

Surah al-Anfal ayat ketujuh memaparkan *shaukah* dalam bentuk kekuatan bilangan manusia dan kekuatan ketenteraan sekaligus. Ini memandangkan kaedah peperangan zaman itu meletakkan faktor kekuatan sesuatu bala tentera berdasarkan bilangan anggota tentera yang terlibat dalam pertempuran, selain sedikit berkaitan faktor teknologi persenjataan. Sebagaimana yang dimaklumi, bilangan tentera muslimin sedikit, selain persediaan peralatan perang yang hampir tiada kerana mereka bukan keluar untuk berperang, berbanding bilangan anggota tentera Quraish serta kelengkapan fizikal ketenteraan mereka.

Ayat ketujuh daripada Surah al-Anfal yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

﴿وَأَذِّعِدْكُمْ اللَّهُ إِحْدَى الطَّائِفَتَيْنِ أَمْهًا لَكُمْ وَتَوَدُّونَ أَنَّ غَيْرَ ذَاتِ الشَّوْكَةِ تَكُونُ لَكُمْ وَيُرِيدُ اللَّهُ أَنْ يُحِقَّ الْحَقَّ بِكَلِمَاتِهِ وَيَقْطَعَ دَابِرَ الْكَافِرِينَ﴾

Maksudnya, "Dan (ingatlah) ketika Allah menjanjikan kepada kamu salah satu dari dua angkatan, menjadi untuk kamu (menghadapinya), sedang kamu suka kiranya (angkatan perniagaan) bukan angkatan (perang) yang mempunyai kekuatan itu yang dijadikan untuk kamu (menghadapinya). Padahal Allah menghendaki untuk menetapkan yang benar (agama Islam) dengan Kalimah-kalimahNya, dan untuk membinasakan kaum yang kafir seluruhnya" (Al-Quran. Al-Anfal: 7).

Bagaimanapun, terdapat satu noktah yang menarik tentang *shaukah* berasaskan unsur kekuatan manusia ini. Sultan Abdul Hamid II dan Imam al-Juwayni telah menyerlahkan bahawa unsur kekuatan manusia ini tidak semestinya bergantung pada jumlah bilangan. Penghijrahan orang-orang Yahudi ke dalam sempadan empayar Turki Uthmaniyyah sudah tentu dalam bilangan yang kecil berbanding umat Islam yang bernaung

di bawah empayar tersebut, namun Sultan Abdul Hamid II menyifatkannya sebagai satu *shaukah*. Begitu juga, Imam al-Juwayni berpada dengan seorang pemilih dan pelantik, untuk melantik seorang ketua negara, jika yang demikian itu tidak menimbulkan sebarang bantahan daripada mana-mana pihak, atau jika ada pun bantahan, ia dapat dipadamkan dengan mudah.

Kedua-dua tokoh ini sebenarnya menyerlahkan faktor pengaruh yang dimiliki oleh sebahagian kecil manusia, yang boleh menundukkan sebahagian besar manusia lain, sama ada berasaskan kuasa lunak seperti kedudukan sosial seseorang, sebagaimana yang berlaku pada peribadi Abu Talib dan Saidina Umar R.A., mahu pun berasaskan kuasa keras seperti kekuatan ekonomi dan kewangan yang menjadi sandaran orang-orang Yahudi dalam mengukuhkan kehadiran dan kedudukan mereka dalam sempadan jajahan Turki Uthmaniyyah. Ini bermakna bahawa pihak yang mempunyai bilangan pendukung dan penyokong yang ramai tidak semestinya mempunyai *shaukah* dalam erti kata boleh mengalahkan pihak yang lebih sedikit bilangannya. Salah satu faktor yang menyumbang ke arah kejayaan pihak minoriti menundukkan pihak majoriti ialah kesepakatan, kesatuan dan perpaduan mereka pada seorang pimpinan yang ditaati dan diakuri, berbanding pihak majoriti yang mungkin berpecah belah dan kurang mentaati pimpinan mereka, sebagaimana yang diterangkan oleh Imam al-Juwayni, Imam al-Ghazali, Ibnu Jama'ah dan lain-lain.

*Shaukah* orang-orang Yahudi pada zaman Sultan Abdul Hamid II mungkin lebih tepat dikategorikan sebagai *shaukah* berasaskan kekuatan material, iaitu kekuatan ekonomi, yang kemudiannya menjana kekuatan ketenteraan, berbanding *shaukah* berasaskan *asobiyah* kaum Yahudi, disebabkan bilangan mereka yang tidak ramai. *Shaukah* orang-orang Yahudi dari sudut bilangan yang ramai hanya boleh dikesan dalam konteks masa kini di Palestin, apabila mereka melakukan strategi penghijrahan Yahudi beramai-ramai dari seluruh pelusuk dunia, sebagai satu bentuk senjata demografi bagi mengimbangi seterusnya mengatasi bilangan penduduk asal Palestin (Ermy & Azmul, 2011).

Imam al-Juwayni menyebut secara literal tentang kekuatan persenjataan dan ketenteraan ketika membahaskan tentang *shaukah* dalam konteks tanggungjawab pemerintah untuk menundukkan orang kafir, dalam dan luar negara, di bawah kuasa politik umat Islam, jika mereka enggan memeluk Islam selepas didakwahkan dengan hujah. Ertinya, keakuran mereka diperoleh melalui kekuatan fizikal dan material. Tambahan kepada fakta di atas, Imam al-Juwayni mengkhususkan satu fasal dalam kitab al-Ghiyathi yang membahaskan *shaukah* pemerintah dari sudut kekuatan harta dan kewangan secara terperinci, selepas beliau membentangkan tanggungjawab pemerintah untuk menundukkan orang kafir di bawah kuasa politik umat Islam, serta menundukkan puak-puak penentang dalam negara.

### 3. *Shaukah* Bukan Kekuatan Mutlak

Berdasarkan dapatan perbahasan *shaukah* oleh para ulama zaman silam itu juga dapat difahami bahawa *shaukah* bukan bermakna kekuatan yang sempurna, dalam erti kata kekuatan mutlak. Perkara ini telah disentuh oleh Imam al-Ghazali dengan sempurna dan jelas. Kemungkinan wujud anasir dalam kalangan umat Islam yang tidak taat dan akur kepada pemerintah dalam sesetengah isu, namun mereka boleh bersatu hati dan berpadu tenaga apabila negara berdepan dengan ancaman dan serangan musuh. Secara keseluruhan, tahap kekuatan *shaukah* sering kali dikaitkan dengan kemungkinan berbangkitnya bantahan pihak yang membangkang ke atas satu-satu keputusan, seperti pemilihan dan pelantikan ketua negara, atau timbulnya cabaran pihak musuh yang mengancam kuasa dan kedaulatan umat Islam. Apabila timbul bantahan dan ancaman sedemikian, *shaukah* adalah tahap kekuatan yang mampu mengalahkan dan menundukkan pihak lawan. Oleh itu, kayu ukur *shaukah* ialah pada keupayaan menundukkan pihak lawan dan bukan penghapusan total.

Ciri *shaukah* sebagai satu tahap kekuatan yang tidak sempurna ini sepiantas lalu kelihatan tidak memenuhi kehendak syarak agar umat Islam berkuasa penuh dan mutlak.

Namun, terdapat kaedah syarak yang bermaksud “Sesuatu yang tidak diperoleh semua, tidak ditinggalkan semuanya”. Tuntutan untuk berkuasa penuh dan mutlak kemungkinan sukar untuk dicapai, namun syarak menuntut agar tidak ditinggalkan langsung kewajiban untuk berkuasa itu. Imam al-Ghazali (1993) mengatakan bahawa setiap perkara yang syarak wajibkan adalah bersyaratkan kemampuan, berdasarkan ayat 16 Surah al-Taghabun.

Umat Islam dituntut agar berusaha untuk melaksanakan perintah Allah S.W.T. dan Nabi S.A.W. sepenuhnya sebagaimana yang dikehendaki. Jika tidak berupaya maka hendaklah berusaha untuk melaksanakannya pada tahap yang paling hampir dengan kehendak syarak. Perkara ini termaktub dalam banyak ayat al-Quran, seperti ayat 8 Surah al-Maidah, ayat 237 Surah al-Baqarah, ayat 24 dan 81 Surah al-Kahfi. Ar-Raysuni (2014) membawakan beberapa hadith bertujuan menerangkan maksud ayat-ayat tersebut. Sebagai contoh sebuah hadith riwayat Imam al-Bukhari, yang disebut di dalamnya arahan “*fasaddidu waqaribu*” yang bermaksud “*hendaklah kamu tepati dan hampir*” iaitu berusaha untuk menepati ajaran Islam dan cuba untuk menghampiri kehendak syarak semampu mungkin.

Hadith yang dimaksudkan di atas ialah seperti berikut:

{ إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ، وَلَنْ يُشَادَّ الدِّينَ أَحَدٌ إِلَّا غَلَبَهُ، فَسَدِّدُوا وَقَارِبُوا، وَأَبْشِرُوا، وَاسْتَعِينُوا بِالْعَدْوَةِ وَالرَّوْحَةِ وَشَيْءٍ مِنَ الدُّجَيْتِ }

Maksudnya, “*Sesungguhnya agama itu mudah, janganlah seseorang daripada kamu menyukarkan (menyulitkan urusan agama itu) melainkan kamu akan tewas. Kerana itu, tepatilah, hampirilah (kesempurnaan), dan bergembiralah (dengan pahala atas amalan yang berterusan walaupun sedikit). Mintalah bantuan dengan perjalanan pada waktu pagi, perjalanan pada waktu petang dan sebahagian daripada perjalanan pada akhir malam (yakni manfaatkanlah waktu-waktu tersebut untuk mengerjakan ibadah)*” (Hadis. Al-Bukhariyy. *Kitab ar-Riqaq, Bab bersederhana dan berterusan dalam beramal*” 11/254-255).

Al-Raysuni (2014) turut melanjutkan penerangan dengan menyatakan bahawa ayat 53 Surah al-Isra’, ayat 96 Surah al-Mukminun, ayat 7 Surah al-Kahfi dan ayat 2 Surah al-Mulk, semuanya mengajar umat Islam agar melakukan yang terbaik selagi mampu, agar mengungkapkan ungkapan-ungkapan terbaik selagi boleh. Jika berlaku syubhah atau kesamaran maka umat Islam hendaklah berusaha untuk membuat pilihan yang terbaik. Jika terdapat banyak pandangan, maka dituntut agar berpegang pada pandangan yang paling kuat. Jika terdapat pelbagai *masalah* yang perlu dijaga, maka dituntut agar melakukan sebaik-baik pertimbangan supaya dapat membuat pilihan *masalah* yang terbaik.

Sebagai contoh, *masalah* pemerintahan tidak sepatutnya digadaikan dan dibiarkan tergendala apabila tiada orang yang memenuhi syarat kelayakan minima untuk menjawat jawatan berkenaan. Malah, jika tiada langsung orang yang bersifat adil dan masyarakat keseluruhannya terdiri dalam kalangan mereka yang fasik sahaja pun, jawatan seperti kadi dan seumpamanya perlu dilantik agar *masalah* pemerintahan tidak diabaikan. Kaedah syarak yang diguna pakai ialah melantik orang yang paling kurang kefasikannya dalam kalangan orang-orang fasik itu (al-Shatibi 2011). Ini kerana umat Islam diarahkan agar melaksanakan perintah syarak dan mendapatkan *masalah* sedaya upaya menurut kemampuan yang ada. Kadar yang di luar kemampuan tidak dituntut, namun yang demikian tidak bermakna boleh mengabaikan kadar yang masih dalam kemampuan. Menjaga sebahagian lebih utama daripada mensia-siakan kesemuanya, apabila kemampuan terbatas untuk melakukan semua. Begitulah yang diungkapkan oleh Nabi Shu‘aib A.S., yang dirakamkan dalam ayat 88 Surah Hud, sebagaimana firman Allah S.W.T. dalam Surah al-Taghabun ayat 16.

Firman Allah S.W.T. dalam Surah Hud ayat 88:

﴿ إِنَّ أُرِيدُ إِلَّا الْإِصْلَاحَ مَا اسْتَطَعْتُ ﴾

Maksudnya, “Aku hanya bertujuan hendak memperbaiki sedaya upayaku” (Al-Quran. Hud: 88).

Firman Allah S.W.T. dalam Surah al-Taghabun ayat 16:

﴿فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ﴾

Maksudnya, “Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah sedaya supaya kamu” (Al-Quran. Al-Taghabun: 16).

Ayat ini menggabungkan kemaslahatan takwa pada persoalan kemampuan, begitulah juga dengan segala kemaslahatan yang lain. Perkara ini juga berkaitan dengan kaedah syarak berkaitan maqasid yang bermaksud, “Hajiyat umum dihukum sama dengan *daruriyat* khusus”, apabila perkara haram telah melata sehingga tiada lagi yang halal, maka tidak wajib untuk orang ramai bersabar menahan kelaparan sehingga benar-benar mencapai tahap darurat, kerana yang demikian itu akan membawa kepada kemudaratan umum (Abd al-Salam, 2015; Ibnu al-Qayyim, 2019).

#### 4. *Shaukah* Antara Pemerintah Dan Umat Islam

Dari sudut lain, nukilan tulisan Ibnu Khaldun turut membawa pengertian yang jelas tentang sudut negatif *shaukah* sesuatu dinasti atau seseorang pemerintah dalam jangka masa panjang. Pengalaman Bani Umawiyah dan Bani Abbasiyah menunjukkan *shaukah* dinasti mereka membawa kepada fenomena ketaatan dan keakuran masyarakat tanpa sebarang bantahan, malah mereka menganggap fenomena itu adalah satu bentuk kesetiaan yang normal, sebaliknya sebarang bantahan atau bangkangan adalah perkara yang luar biasa dan tidak normal. Ketaatan dan keakuran total sebegini adalah suatu yang terpuji jika pemerintah melaksanakan ajaran Islam sepenuhnya dan tidak melakukan apa-apa kezaliman. Namun, jika ada sebarang pelanggaran hak rakyat oleh pemerintah, ketaatan dan keakuran sebegini adalah suatu fenomena yang negatif. Ibnu Khaldun menceritakan bagaimana sebahagian kaum kerabat khalifah diketepikan, dihina, malah ada yang dibunuh, kerana dilihat boleh mengancam kedudukan khalifah. *Shaukah* yang digunakan untuk menghapuskan pesaing politik lama-kelamaan melahirkan generasi rakyat yang enggan memikirkan hal ehwal pemerintahan, kerana yang demikian itu boleh menggugat keselamatan dan kesejahteraan hidup mereka.

Jika dibaca serentak antara keperluan *shaukah* untuk menundukkan pihak yang melawan pemerintah negara Islam dan tingkah laku melampau beberapa pemerintah Bani Umawiyah dan Abbasiyah, ternyata *shaukah* yang dituntut syarak adalah sekadar memastikan pihak lawan tidak berupaya mengalahkan pihak pemerintah. Kewujudan pihak yang tidak bersetuju dengan pemerintah dan membantah sebarang keputusan pimpinan negara adalah suatu yang dibenarkan, begitu juga kewujudan orang-orang kafir dalam negara Islam, selagi mereka tidak mempunyai kekuatan untuk menjatuhkan ketua negara atau *al-imam*, yang membawa kepada risiko ancaman kedaulatan negara.

Perkara ini juga dapat diperhatikan di sebalik para ulama mensyaratkan *shaukah* bagi mana-mana pihak untuk dikira sebagai *bughah*. Ini kerana *bughah* hukumnya hendaklah diperangi. Maka syarat bahawa *bughah* mestilah mempunyai *shaukah* yang berpotensi untuk menjatuhkan pemerintah yang sah adalah demi mengelakkan sebarang individu atau kumpulan yang tidak bersetuju dengan pemerintah dikategorikan sebagai pihak yang mesti diperangi dengan sewenang-wenangnya.

#### 5. Definisi *Shaukah*

Berdasarkan kajian terhadap pelbagai teks para ulama silam ketika mereka membicarakan tentang *shaukah*, tidak dijumpai satu definisi tertentu tentang *shaukah*. Perkara ini berkemungkinan disebabkan perkataan atau istilah *shaukah* itu difahami dengan mudah dalam kalangan para ulama, tanpa perlu definisi khusus. Namun, sebagai langkah penyempurnaan bagi perbincangan terdahulu, sayugia diletakkan satu definisi bagi *shaukah*, berdasarkan analisis terhadap penggunaan istilah itu dalam kalangan ulama silam.

Jika diperhatikan, berdasarkan dapatan di atas, terdapat beberapa unsur penting dalam konsep *shaukah* yang perlu diberi perhatian. Pertama ialah unsur matlamat atau *maslahah* yang mahu dicapai daripada konsep ini. Kedua ialah jenis kekuatan, yang melibatkan aspek kuantiti dan kualiti. Ketiga ialah kayu ukur *shaukah*, iaitu keupayaan untuk menundukkan atau mengakurkan pihak lawan atau pesaing. Keempat ialah tahap kekuatan yang terkandung dalam istilah *shaukah*, yang membawa maksud kekuatan tidak sempurna ketika situasi tidak mengizinkan umat Islam berkuasa penuh dan mutlak ke atas orang bukan Islam.

Berdasarkan unsur-unsur penting ini, definisi *shaukah* umat Islam boleh dikatakan sebagai tahap kekuatan yang mengupayakan umat Islam untuk mengakurkan pesaing bukan Islam demi menjamin kedaulatan watan Islam.

## 6. Aplikasi *Shaukah* Dalam Era Kontra Hegemoni Politik Melayu

Menurut al-Marhum Prof. Dr. Abdul Azim al-Dib (1985), Imam al-Juwayni, dalam kitabnya al-Ghiyathi, mengaplikasikan *shaukah* sebagai *‘illah* dalam pelbagai hukum yang beliau bahaskan dalam bab *al-Imamah*. *‘illah shaukah* tersebut dikeluarkan hasil daripada analisis induktif terhadap hampir kesemua hukum dan dalil syarak berkaitan politik dan pemerintahan, serta realiti berkaitan kuasa politik di zaman beliau yang menyaksikan umat Islam berpecah belah dan berebut kuasa akibat kelemahan khalifah dinasti Abbasiyah.

Para fuqaha dan ulama Usul Fiqh berpegang bahawa *‘illah* sesuatu hukum apabila sudah jelas wujudnya dan jelas juga faedahnya, maka wajiblah dibina hukum berdasarkan *‘illah* tersebut dan wajib beramal dengannya. Al-Raysuni (2020) mengkhususkan satu bab mengenai perkara ini dalam kitabnya berjudul *Qawa‘id al-Maqasid*, apabila membincangkan tentang kaedah-kaedah bagi mengenal pasti kehendak syarak. Kesimpulannya, *‘illah* sesuatu hukum adalah mengandungi dan menjamin maqasid syariah dalam konteks hukum tersebut.

Dari sudut lain, kuasa adalah wasilah untuk melaksanakan *maqasid syariah khasah* pemerintahan, iaitu menjaga agama dan mentadbir dunia dengan agama (al-Juwayni 2014). Kaedah syarak mengatakan bahawa wasilah mengambil hukum maqasid (‘Abd al-Salam 2015). Sehubungan itu, perbincangan mengenai aplikasi *shaukah* dalam konteks realiti semasa mengenai kuasa di Malaysia, dalam era kontra hegemoni politik Melayu, adalah sebenarnya perbincangan mengenai wasilah untuk mencapai maqasid syariah dalam setiap isu yang dibincangkan.

Perbincangan mengenai aplikasi *shaukah* di bawah akan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama berkaitan kuasa politik, manakala bahagian kedua pula ialah mengenai kuasa ekonomi yang memberi kesan secara langsung terhadap kuasa politik. Perbincangan setiap bahagian akan dimulakan dengan bacaan terhadap realiti, kemudian diikuti dengan cadangan aplikasi *shaukah* terhadap beberapa isu terpilih berdasarkan hubung kait secara langsung dengan tahap kuasa umat Islam.

## 7. Aplikasi *shaukah* dari sudut realiti kuasa politik

Realiti kuasa politik di Malaysia boleh ditinjau dari beberapa sudut yang dilihat amat berkait rapat dengan persoalan tahap kuasa umat Islam. Sudut pertama ialah sistem dan polisi pemerintahan itu sendiri.

Malaysia adalah sebuah negara yang penduduknya berbilang agama dan bangsa, serta mengamalkan sistem demokrasi yang memberi peluang kepada semua warga untuk turut serta dalam pemilihan pemimpin. Setiap warganegara berhak untuk mengundi dalam pilihanraya persekutuan dan negeri. Seterusnya Perlembagaan Persekutuan menjamin hak kebebasan asasi setiap warganegara daripada diskriminasi untuk menjawat mana-mana jawatan di bawah mana-mana pihak berkuasa awam (Nik Ahmad Kamal, 2005), termasuklah sebagai menteri.

Tidak dinyatakan dalam perlembagaan bahawa Perdana Menteri mestilah seorang yang beragama Islam (Jimadie, 2010), sebaliknya terpulang kepada budi bicara Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong untuk memilih seorang

Anggota Parlimen yang pada hemat Baginda mendapat kepercayaan majoriti Ahli Dewan Rakyat (Ahmad Johari, 2021). Oleh itu, dapat difahami bahawa dari sudut perlembagaan, secara umumnya tiada sebarang sekatan untuk orang bukan Islam menjawat apa-apa sahaja jawatan pihak berkuasa awam termasuk jawatan Perdana Menteri.

Sehubungan itu, tidak pernah dalam sejarah politik Malaysia, orang Melayu Islam memonopoli kuasa eksekutif, tanpa perkongsian dengan kaum Cina dan India. Secara asasnya, apabila berlaku perkongsian kuasa, maka tiadalah mana-mana kaum lebih berkuasa ke atas kaum yang lain. Namun disebabkan orang Melayu adalah majoriti penduduk, di samping beberapa peruntukan perlembagaan yang memberikan kelebihan kepada kedudukan orang Melayu dan agama Islam, maka banyak dasar kerajaan pasca peristiwa 13 Mei 1969 yang menyebelahi orang Melayu. Dasar afirmatif mendapat bantahan dan bangkangan daripada kaum bukan Melayu, seperti yang disuarakan oleh DAP, namun mereka tidak mempunyai kekuatan dari sudut politik pada masa itu untuk menyaingi pemikiran ketuanan Melayu pemimpin-pemimpin UMNO. Kerajaan di bawah pimpinan Tun Abdul Razak melaksanakan pelbagai dasar dan polisi yang menguntungkan orang Melayu tanpa berdepan bantahan yang signifikan daripada parti-parti kerajaan yang mewakili kaum Cina dan India (Muhammad Najit et al., 2018). Sebahagian penyelidik mentafsirkan fenomena itu sebagai hegemoni politik Melayu yang mengakurkan semua kaum di negara ini, sebagaimana yang telah dibahas dalam bab terdahulu.

Bagaimanapun situasi ini berubah dengan ketara pasca Pilihan Raya Umum ke 12 pada tahun 2008, sehingga ramai penyelidik yang menandakan tahun itu sebagai permulaan era kontra hegemoni politik Melayu. Berdepan dengan pelbagai tekanan daripada NGO-NGO dan parti-parti yang mewakili kaum bukan Islam serta kelompok berpemikiran liberal yang memperjuangkan prinsip kesamarataan antara kaum, pimpinan parti-parti yang mewakili orang Melayu terutamanya UMNO melalui Barisan Nasional berusaha bersungguh-sungguh untuk memenangi undi kaum Cina dengan cuba memenuhi kepentingan kaum tersebut (Abdul Hamid, 2014; Mohd Fitri, 2016). Perkembangan politik pasca Pilihan Raya Umum ke 12 sehingga ke ambang Pilihan Raya Umum ke 14 menunjukkan kuasa tawar menawar kaum Cina yang tinggi berbanding orang Melayu. Walaupun kaum Cina minoriti, namun imbalan kuasa tawar menawar tidak menunjukkan orang Melayu mempunyai kelebihan dalam perkongsian kuasa itu.

Hakikat bahawa umat Islam terpaksa berkongsi kuasa ini juga boleh dilihat dalam sistem pemerintahan negara Malaysia. Kuasa diagih-agihkan kepada beberapa institusi, yang mempunyai bidang kuasa masing-masing yang terbatas. Ini amat berbeza dengan sistem agihan kuasa zaman sistem khalifah. Walaupun khalifah mengagih-agihkan kuasa kepada wakil-wakilnya yang dilantik, namun pengagihan kuasa itu tidak mengurangkan atau membataskan kuasa seorang khalifah (al-Sowi, 1992).

Kuasa dalam negara Malaysia diagih-agihkan kepada institusi berkuasa perundangan iaitu Parlimen yang mengandungi Yang Dipertuan Agong serta Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang anggotanya terdiri daripada pelbagai latar belakang bangsa dan agama. Selain fungsinya menggubal undang-undang, institusi ini terlibat secara langsung dalam pembentukan kerajaan Malaysia. Institusi berkuasa eksekutif bertindak sebagai jentera pentadbiran negara, yang meliputi Jemaah Menteri, sektor perkhidmatan awam, angkatan polis dan tentera. Institusi berkuasa kehakiman adalah badan yang bersifat bebas dan tidak berkait langsung dengan dua institusi berkuasa terdahulu (Abdullah Hassan, 2005). Yang Dipertuan Agong pula, yang dikatakan sebagai asas kewujudan perlembagaan negara, adalah institusi berkuasa yang terbatas menurut peruntukan Perlembagaan Persekutuan (Wan Ahmad Fauzi, 2018).

Kesimpulannya, kenyataan yang mendakwa bahawa Islam berkuasa mutlak dengan adanya Yang Dipertuan Agong yang beragama Islam dan dianggap sebagai mewakili institusi khalifah pada zaman moden, adalah satu kenyataan yang tidak berasas kerana fakta mengenai pengagihan kuasa tersebut yang membataskan kuasa Baginda.

Sudut kedua tentang realiti dalam negara yang berkait rapat dengan persoalan tahap kuasa umat Islam ialah perpecahan umat Islam.

Sejarah telah mencatatkan banyak peristiwa perebutan kuasa antara sesama pemimpin umat Islam di Tanah Melayu yang mengundang campur tangan penjajah dan penguasaan orang bukan Islam ke atas kedaulatan watan Islam, seperti peristiwa yang melatari Perjanjian Pangkor dan kejatuhan Temasik ke tangan British (Siti Zalikhah, 2011; Muhammad Izuan & Mahani, 2020). Campur tangan kuasa asing itu bukan sekadar implikasi tidak langsung daripada konflik perebutan kuasa, malah dijemput oleh pihak yang terlibat secara langsung dalam konflik tersebut demi keuntungan sempit peribadi. Hasilnya ialah umat Islam kehilangan *shaukah* ke atas watan sendiri dan bermulalah episod penjajahan.

Fenomena kemudaratan perpecahan ini masih berlaku di zaman sekarang. Salah satu keburukan sistem politik kepartian ialah melahirkan semangat setiakawan berasaskan parti, bukan lagi berasaskan akidah. Orang Islam yang bekerja di atas pentas parti tertentu dilihat lebih setia terhadap rakan yang bukan Islam daripada parti yang sama, berbanding rakannya yang beragama Islam daripada parti lawan, walaupun kesetiaan berasaskan kepartian itu sering kali merugikan Islam secara umum. Semangat kesatuan berasaskan akidah yang satu menjadi luntur, kerana umat Islam sudah berpecah belah dalam blok-blok kepartian demi mencapai kemenangan dalam pilihanraya (al-Sowi, 1992).

Umat Islam di Malaysia tidak terkecuali daripada realiti ini. Perpecahan umat Islam dalam blok-blok kepartian ini dengan sendirinya menyebabkan pendirian politik orang Melayu menjadi lemah, lalu timbullah tuntutan-tuntutan daripada kaum bukan Melayu, melalui pelbagai NGO mereka, yang agak melampau dan menyentuh perkara-perkara yang melanggar peruntukan-peruntukan Perlembagaan, terutamanya berkaitan hak istimewa orang Melayu dan kedudukan agama Islam (Abdul Hamid, 2014). Ini termasuklah 14 tuntutan kumpulan Interfaith Commission (IFC), tuntutan Comanggo dan lain-lain (Shamrahayu et al., 2021). Hari ini kelihatan hampir segala isu yang melibatkan kepentingan seluruh umat Islam dilihat menerusi kaca mata kepartian dan dipolitikkan, menyebabkan kesatuan umat Islam sukar dicapai dan seterusnya melonggarkan cengkaman kuasa mereka ke atas watan ini.

Sudut ketiga tentang realiti dalam negara yang berkait rapat dengan persoalan tahap kuasa umat Islam ialah kewujudan aliran ideologi yang menentang konsep negara Islam.

Terdapat tentangan secara terbuka terhadap konsep negara Islam oleh parti yang dilihat mewakili majoriti kaum bukan Islam. Menurut Rizal Yaakop (2011), DAP tidak berselindung dalam menentang konsep negara Islam, tidak kira yang diisytiharkan oleh UMNO atau yang diperjuangkan oleh PAS. Sebagai sebuah parti yang berasaskan ideologi sosialis demokrat, penolakan DAP ini tidak sukar untuk difahami kerana parti itu sememangnya memperjuangkan kesamarataan antara kaum, yang menolak keistimewaan bangsa Melayu sebagai satu-satunya kaum yang layak mengetuai negara melalui jawatan Perdana Menteri. Sebagai contoh, penentangan konsep negara Islam ini boleh didapati daripada kenyataan Lim Kit Siang yang menggesa semua parti agar akur dengan pendirian Tunku Abdul Rahman yang tidak menerima Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Lim Kit Siang juga menyatakan bahawa isu negara Islam yang diperjuangkan oleh PAS telah melemahkan manifesto bersama Barisan Alternatif dahulu. Perbezaan ideologi ini ternyata menjadi salah satu sebab utama yang meruntuhkan Pakatan Rakyat setelah PAS dan DAP tidak lagi sehaluan dari sudut falsafah perjuangan.

Sehubungan itu, hakikat kewujudan parti yang mendukung ideologi yang bertentangan dengan konsep negara Islam ini memberi kesan secara langsung kepada penilaian terhadap hakikat perwakilan Anggota Parlimen beragama Islam. Ini disebabkan mereka bukan sekadar mewakili kawasan Parlimen, malah yang lebih menonjol ialah mereka mewakili pendirian parti masing-masing. Maka, seseorang Anggota Parlimen beragama Islam tidak semestinya membuat pendirian berdasarkan kepentingan agama Islam dari sudut konsep Islam bernegara, apabila partinya berpegang pada dasar anti konsep negara Islam seperti DAP.

Sepintas lalu, jika bilangan anggota parlimen beragama Islam adalah majoriti dalam Dewan Rakyat, maka kelihatan keadaan itu sudah mencukupi bagi memenuhi tuntutan

konsep *shaukah*, dalam erti kata jika ada sebarang pengundian, umat Islam akan mendapat majoriti mudah. Namun, jika diteliti perkara ini dari beberapa sudut, majoriti mudah belum mencukupi, malah bilangan dua pertiga kerusi diduduki anggota beragama Islam pun belum tentu menjamin tahap *shaukah* yang dimaksudkan oleh para ulama. Perenggan-perenggan berikut adalah hujah tentang perkara ini.

Salah satu sudut yang perlu diberi perhatian ialah hakikat bahawa anggota parlimen bertindak berpandukan dasar parti. Dalam keadaan wujudnya parti yang berfahaman sekular, maka bilangan majoriti itu tidak semestinya memberi kelebihan kepada kepentingan umat Islam, terutamanya dalam isu-isu yang menyentuh ideologi seperti sebahagian undang-undang jenayah Islam yang difahami dalam kerangka sekularisme sebagai undang-undang kawalan moral (al-Sowi, 2014; al-Attas, 2020). Perkara ini jika dibincangkan secara terperinci dalam konteks *maqasid syariah khasah*, sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Juwayni (2014), kelihatan amat jelas bahawa anggota Muslim daripada parti berfahaman sekular tidak akan mempertahankan konsep Islam bernegara.

Sudut kedua yang perlu diberi perhatian ialah anggota parlimen terbahagi kepada dua blok iaitu kerajaan dan pembangkang. Barisan anggota parlimen daripada parti pembangkang tidak mempunyai apa-apa kuasa, menurut amalan agihan kuasa sekarang. Mereka hanya boleh menjalankan peranan semak dan imbang sahaja. Maka bilangan mereka tidak signifikan dalam menentukan pelaksanaan konsep *shaukah*, kerana *shaukah* adalah mengenai kuasa yang boleh mengakurkan pihak lawan.

Dari sudut ketiga, pakatan politik yang dibentuk secara tradisinya mengandungi parti yang mewakili orang Islam dan bukan Islam, sebagai satu imej yang mewakili masyarakat majmuk Malaysia. Kemajmukan dalam pakatan politik adalah satu perkara yang diterima tanpa sebarang soal. Namun persoalannya ialah apabila konsep *shaukah* mahu diaplikasikan, maka pakatan itu mesti dipimpin parti orang Melayu yang dominan berbanding kaum lain, seterusnya memiliki kerusi majoriti yang berupaya mengakurkan bukan Islam dalam pakatan kerajaan yang dibentuk.

Berdasarkan beberapa pandangan, termasuk kajian yang dilakukan oleh Sinar Harian dan Sin Chew Daily sebelum Pilihanraya Umum ke 15, tiada parti Melayu yang dominan masa kini, dalam erti kata boleh memenangi majoriti mudah parlimen dan menjadi parti dominan dalam kerajaan (Rosalwani 2021).

Sehubungan itu, hakikat ini membawa kepada satu tuntutan lain, iaitu parti-parti Melayu mesti bergabung dalam satu pakatan, bagi menjamin konsep *shaukah* dapat diaplikasikan.

Sudut yang keempat ialah hakikat bahawa sokongan daripada dua pertiga anggota parlimen terhadap sesebuah kerajaan membuatkan kerajaan itu kuat dan pemerintahan negara menjadi stabil. Pemerintahan berasaskan hanya majoriti mudah banyak menimbulkan keadaan yang tidak stabil dan mengganggu kerja-kerja membangunkan negara. Kecenderungan dalam kalangan pemain politik bahawa sesebuah kerajaan tidak seharusnya dibiarkan mendapat majoriti dua pertiga adalah berasaskan kepada fahaman pluralisme politik, sebagai usaha menguatkan aspek semak dan imbang serta mencegah salah guna kuasa. Namun, sudut negatif kecenderungan ini ialah membawa kepada pembentukan sebuah kerajaan yang lemah (al-Sowi, 1992).

Kesimpulannya, apabila membicarakan *shaukah* dari sudut bilangan anggota parlimen beragama Islam, maka perkiraannya hanya tertumpu pada pakatan parti-parti yang membentuk kerajaan yang berkuasa, tanpa melibatkan bilangan anggota Muslim daripada parti yang dasarnya menentang ideologi dan konsep negara Islam, walaupun mereka dalam barisan anggota parlimen kerajaan. Berdasarkan tumpuan perkiraan sebegini, maka majoriti mudah kelihatan sudah mencukupi, namun majoriti dua pertiga merupakan satu tuntutan bagi menjamin kuasa *shaukah* yang stabil.

Namun hakikatnya, perkiraan dari sudut bilangan anggota parlimen sahaja tidak mencukupi dalam menjamin *shaukah* umat Islam. Jawatan-jawatan utama dalam kerajaan yang memerintah juga perlu diberi perhatian. Konsep agihan kuasa dalam sebuah negara

bangsa masa kini menyebabkan jawatan-jawatan utama itu dilihat mampu mengimbangi kuasa majoriti di parlimen.

Menurut Dr. Munir Hamid al-Bayati (1994), yang mengarang sebuah kitab khusus bagi membuat perbandingan antara sistem politik Islam dan sistem politik negara bangsa zaman moden, pemisahan kuasa telah dipelopori terlebih dahulu oleh Khalifah Umar al-Khattab, yang telah melantik beberapa orang hakim untuk memimpin sistem kehakiman di beberapa wilayah kekuasaan beliau. Hakim yang dilantik diberikan kuasa bebas untuk menghakimi semua kes yang berlaku di bawah wilayah sempadan yang telah ditetapkan, termasuk memanggil khalifah bagi menghadiri perbicaraan mahkamah sama ada sebagai orang kena tuduh mahupun sebagai saksi. Bagaimanapun, pemisahan kuasa itu tidak sama dengan pemisahan kuasa yang diamalkan negara bangsa di zaman moden ini. Ini disebabkan hakim yang dilantik itu berfungsi sebagai menjalankan tugas bagi pihak khalifah, dengan kuasa penuh untuk bertindak menurut undang-undang syariah dan kebijaksanaannya. Oleh itu, individu berkenaan mestilah beragama Islam. Ini disebabkan tugas khalifah ialah menjaga agama Islam menurut kehendak Allah S.W.T. dan RasulNya, maka hakim yang bertindak bagi pihak khalifah juga semestinya beragama Islam untuk melaksanakan sebahagian amanah yang dipikul oleh khalifah (al-Dumayji, 2013; al-Badawi, 2012; al-Sowi, 2014; al-Juwayni, 2014).

Sehubungan itu, jawatan-jawatan utama dalam ketiga-tiga badan berkuasa dalam negara, iaitu badan perundangan, badan eksekutif dan badan kehakiman mestilah disandang oleh rakyat Malaysia yang beragama Islam. Jawatan-jawatan utama itu jika dilihat dalam konteks sistem politik Islam, menjalankan fungsi *al-Imamah*, iaitu menjaga agama dan mentadbir dunia berpandukan agama. Fungsi tersebut menuntut penjawatnya beragama Islam dalam sistem khilafah yang tidak mengamalkan pemisahan kuasa secara mutlak. Oleh kerana itu, secara logiknya, sudah tentu tuntutan agar penjawat berkenaan beragama Islam lebih kuat dalam sistem yang mengamalkan pemisahan kuasa secara total dalam sebuah negara bangsa seperti Malaysia pada hari ini. Jawatan-jawatan yang dimaksudkan ialah jawatan Perdana Menteri, Yang Dipertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara, Ketua Hakim Negara, Peguam Negara, Ketua Polis Negara, Panglima Angkatan Tentera Malaysia dan Ketua Setiausaha Negara. Jawatan-jawatan ini mengetuai sendi-sendi kuasa dalam pentadbiran negara dan perlu dipastikan berada dalam genggaman umat Islam sebagai aspek *shaukah* yang tidak boleh sekali-kali diabaikan.

Peristiwa Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas, menyokong pembatalan pengharaman empat buah buku yang mengandungi unsur-unsur ajaran sesat Syiah, perlu dijadikan pengajaran untuk masa hadapan dalam konteks penjagaan agama menurut fungsi *al-Imamah*.

Selain aplikasi *shaukah* dari sudut agihan tiga kuasa tersebut di atas, konsep *shaukah* juga perlu dijadikan kerangka dalam memberikan hukum terhadap satu-satu tingkah laku politik. Sebagai contoh ialah hukum mengundi calon bukan Islam semasa pilihanraya.

Mantan Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri, dalam Bayan Linnas Siri ke 129, menyatakan bahawa hukum asal mengundi calon yang bukan beragama Islam serta menjadikan mereka sebagai pemimpin adalah harus, kecuali jika wujud sifat mendatang yang mengancam kepentingan Islam (Zulkifli, 2018). Walaupun dalil dan pendalilannya masih boleh dibahaskan, kajian ini lebih memberi perhatian terhadap hakikat ketiadaan konsep *shaukah* dalam artikel tersebut, sebagai rujukan kerangka umum maqasid syariah, yang menyebabkan pandangan hukum yang disyorkan menjadi terasing daripada kehendak syarak secara keseluruhan, berkaitan realiti tahap kuasa yang dimiliki umat Islam pada era kontra hegemoni kini.

Berdasarkan perbahasan terdahulu, era kontra hegemoni politik Melayu sejak tahun 2008 hingga sekarang menampakkan dengan jelas ketiadaan *shaukah* umat Islam dari sudut politik dan ekonomi. Oleh yang demikian, menjadi *masalah* umum bagi umat Islam keseluruhannya untuk mendapatkan semula kuasa tahap *shaukah*. *Maslahah* umum ini seharusnya mengatasi *masalah* kelompok tertentu, iaitu blok kepartian, yang mahu

memenangkan calon bukan Islam masing-masing. Kaedah syarak menyatakan bahawa *masalah* umum adalah lebih kuat berbanding *masalah* khusus atau dengan ungkapan lain kepentingan awam seharusnya diutamakan berbanding kepentingan kelompok dan individu (al-Raysuni, 2020).

Kaedah syarak menetapkan bahawa melakukan tindakan *sabab* adalah sama dengan menghasilkan *musabbab*, sama ada berniat untuk menghasilkan *musabbab* atau tidak (al-Raysuni, 2020). Dalam konteks perbincangan ini, mengundi calon bukan Islam boleh menyebabkan umat Islam semakin kehilangan *shaukah*, sama ada pengundi berniat begitu atau tidak. Perkara ini juga boleh dibincangkan menurut kaedah melihat kepada implikasi tindakan atau yang disebut sebagai *nazar ila maalat al-afal*.

### 8. Aplikasi *shaukah* dari sudut realiti kuasa ekonomi

Sejak kejatuhan Melaka ke tangan Portugis, umat Islam tidak lagi menguasai ekonomi tanah air, walaupun bilangan mereka majoriti (Nurdiyawati & Adnan, 2021). Keadaan ini berterusan sehingga ke zaman British dan perjuangan ekonomi orang Melayu akhirnya diterjemahkan dalam bentuk peruntukan Perlembagaan Persekutuan berkaitan hak istimewa orang Melayu. Berdasarkan peruntukan perlembagaan itu, beberapa dasar seperti Dasar Ekonomi Baru dibentuk, yang kemudiannya diteruskan dengan Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Wawasan Negara dan Model Baru Ekonomi. Namun selepas 20 tahun tamatnya Dasar Ekonomi Baru, kedudukan ekonomi orang Melayu tidak banyak berubah, malah dikatakan hampir menyamai kedudukan mereka pada tahun 1970 ketika Dasar Ekonomi Baru mula dilaksanakan (Muhammad Najit et al., 2018).

Juhaidi Yean Abdullah (2014) memetik kajian Dr Muhammed Abdul Khalid yang membuktikan kekayaan kaum Cina bukan setakat tidak terjejas dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, malah mereka semakin kaya dan kekal menguasai ekonomi Malaysia. Kenyataan itu disokong dengan fakta mengenai pertambahan pemilikan ekuiti kaum Cina sebanyak 21% dalam tempoh antara tahun 1970 hingga tahun 2006. Selain itu, kaum Cina kekal dominan dalam pemilikan aset komersial, seperti kilang dan premis perniagaan, dengan penguasaan sebanyak 70%. Mereka juga dominan dalam pemilikan syarikat di Bursa Malaysia, dengan penguasaan sebanyak 59%. Berdasarkan nilai pasaran tahun 2019, pemilikan ekuiti korporat Bumiputera hanyalah sekitar 17.2 peratus (Kosmo, 2021).

Selain itu, kaum Cina sememangnya diketahui umum mempunyai kekuatan rangkaian bekalan perdagangan melalui kuasa monopoli dan kartel, sejak zaman penjajahan British lagi (Teioh & Aiza, 2022). Pakar bidang ekonomi, Profesor Dr. Izlin binti Ismail pernah dipetik membuat kenyataan bahawa salah satu faktor kerajaan gagal dalam memberi peluang kepada bumiputera untuk maju dalam satu-satu perniagaan adalah akibat kewujudan kartel yang mengawal sepenuhnya rangkaian bekalan berdasarkan keutamaan dan kepentingan kaum tertentu (Siva Selan, 2020). Amalan monopoli dan kartel ternyata hukumnya haram, menurut mantan Mufti Wilayah Persekutuan, Dato' Seri Dr. Zulkifli al-Bakri (Zulkifli, 2023).

Al-Sowi (1992) menyangkal dakwaan intipati sistem demokrasi adalah pemerintahan rakyat untuk rakyat, dalam erti kata wakil-wakil rakyat yang dipilih sebagai anggota parlimen bertindak berdasarkan kehendak majoriti rakyat yang memilih mereka. Ini kerana dari sudut realiti, media massa yang memainkan peranan membentuk pendapat awam tentang dasar, polisi dan segala urusan pentadbiran negara, berada dalam kawalan kapitalis, memandangkan perbelanjaan menguruskan institusi media tersebut dibiayai melalui tajaan komersial daripada syarikat-syarikat swasta. Tanpa pembiayaan ini, media massa ini tidak akan berupaya untuk meneruskan operasi. Oleh itu, pembentukan pendapat awam dan penalaan pemikiran masyarakat dalam membuat keputusan berkaitan pentadbiran negara sebenarnya berada dalam kawalan pihak kapitalis.

Penguasaan kapitalis ke atas sesebuah negara di sebalik topeng demokrasi seperti yang dinyatakan oleh al-Sowi ini tidak terhad melalui kawalan media sahaja. Malah perkara ini melibatkan persoalan pembiayaan politik dengan persefahaman timbal balas kepentingan antara ahli politik dan kapitalis. Contoh paling ketara dan amat jelas ialah

kawalan kumpulan lobi pro-Israel, AIPAC, ke atas polisi kerajaan Amerika Syarikat dalam isu Palestin, yang membelanjakan ribuan juta saban tahun demi memastikan dasar pentadbiran Washington menyebelahi Israel tanpa syarat (Ali Harb, 2022).

Pembiayaan politik yang mengandungi timbal balas berkaitan kepentingan kaum, yang turut melibatkan kepentingan agama secara tidak langsung, bukan satu perkara yang asing di Malaysia, malah berlaku sedari awal penubuhan negara moden ini. MCA yang didanai oleh para jutawan Cina, telah membantu membiayai sejumlah besar perbelanjaan kempen UMNO dalam Pilihan Raya Umum pertama Malaya. Pembiayaan itu bertujuan mendapatkan kepentingan agar UMNO tidak bertanding di beberapa kerusi yang diminta MCA. Pada Pilihan Raya Umum tahun 1964, MCA menuntut untuk bertanding di 44 kerusi sebagai timbal balas sumbangan kewangan kepada UMNO untuk kempen pilihan raya tersebut (Abdul Muein & Jamaie, 2023).

Sehubungan itu, dominasi orang Melayu dalam konteks politik semata-mata tidak akan membawa kepada kekuatan *shaukah* umat Islam di negara ini. Kelompok elit politik Melayu yang mendapat pembiayaan politik daripada kaum lain, seperti yang dibuktikan di atas, boleh menyebabkan sesuatu keputusan kerajaan tidak menyebelahi kepentingan umat Islam, walaupun suara mereka majoriti dalam kerajaan dan parlimen. Umat Islam wajib mendapatkan semula kuasa ekonomi di negara ini sebagai pra syarat melengkapkan tuntutan syarak agar mempunyai kekuatan *shaukah*. Perkara ini terkandung dalam kaedah syarak yang bermaksud "Apa yang tidak sempurna kewajiban kecuali dengannya, maka ia menjadi wajib".

Menurut Datuk Dr Mohd Ghazali Md Noor, Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan merangkap Pengasas Persidangan Wakaf Global, salah satu inisiatif untuk menguasai umat Islam dari sudut ekonomi ialah mengaktifkan instrumen wakaf sebagai pemangkin bagi meningkatkan daya saing ekonomi umat Islam dalam berdepan dengan pelbagai cabaran terutamanya kekuatan ekonomi berasaskan kapitalisme (Fouziah Amir, 2021). Saranan beliau dilihat sejajar dengan pengalaman wakaf yang dilaksanakan oleh Saidina Uthman bin Affan, yang membeli separuh pemilikan telaga daripada seorang Yahudi dan mewakafkannya. Tindakan wakaf itu akhirnya menyebabkan Yahudi tersebut terpaksa menjual separuh lagi pemilikan kepada Saidina Uthman akibat kegagalannya untuk membuat sebarang jualan (Ahmad Yumni & Setiyawan, 2023).

Berdasarkan tuntutan agar umat Islam memiliki *shaukah* sebagai kemaslahatan terpenting ketika berdepan dengan era kontra hegemoni politik Melayu, wakaf adalah salah satu ibadah yang amat perlu dikerangkakan semula wacana mengenainya menurut kerangka *shaukah*. Ini kerana hanya 12 peratus daripada 31,000 hektar tanah wakaf sudah dibangunkan (Ilah Hafiz, 2019), sedangkan wakaf hartanah amat berpotensi untuk dijadikan pemangkin bagi meningkatkan taraf ekonomi umat Islam (Mohd Saharudin et al., 2003). Sehubungan itu, para ulama masa kini perlu melakukan ijtihad *maqasidi* bagi menilai semula semua pendapat mazhab berkaitan konsep wakaf *istibdal*, sebagai contoh, demi menebus guna hartanah wakaf yang terbiar dan tidak mendatangkan sebarang manfaat (Mushaddad et al., t.th.), dalam kerangka memenuhi tuntutan kemaslahatan membina *shaukah* ekonomi umat Islam.

Kesimpulannya, persoalan tahap kuasa, yang seharusnya menjadi sebahagian *manat al-hukm*, jika diabaikan dalam sebarang perbincangan mengenai politik dan pemerintahan boleh menyebabkan perbincangan tersebut tersasar daripada konteksnya yang sebenar. Isu bilangan anggota parlimen, penjawat jawatan utama, *shaukah* ekonomi dan hukum mengundi calon bukan Islam dalam pilihanraya ini hanyalah sekadar beberapa contoh daripada pelbagai isu berkaitan politik dan pemerintahan yang seharusnya dikerangkakan dengan kerangka maqasid syariah dan konsep *shaukah*. Persoalan tahap kuasa di peringkat blok kepartian sedia ada seharusnya diteliti dan dikaji, agar pertimbangan antara *maslahah* dapat dilakukan dengan lebih terperinci dan hukum yang dikeluarkan lebih menepati maqasid syariah dalam konteks politik dan pemerintahan.

## PENUTUP

Seluruh perbincangan mengenai tahap kuasa menurut perspektif Islam berdiri di atas asas tuntutan syarak yang asal agar umat Islam berkuasa penuh dan mutlak. Bagaimanapun, situasi dan realiti yang berubah-ubah harus diteliti dan diambil kira dalam menentukan *amanat al-hukm* dengan lebih tepat. Pengabaian tentang tuntutan hukum syarak yang asal berkaitan tahap kuasa serta kegagalan dalam memahami faktor situasi dan realiti semasa, boleh menyebabkan usaha mendapatkan sesuatu *masalah* politik itu bertukar menjadi suatu yang bertentangan dengan tuntutan syarak yang asal, malah boleh meruntuhkan *maqasid syariah khas* dalam konteks politik dan pemerintahan negara, sebagaimana yang ditegah menurut kaedah syarak berkaitan *maqasid*, yang membawa maksud, “Setiap *masalah* penyempurna yang menyebabkan terbatalnya *masalah* yang asal, maka *masalah* penyempurna itu batil” (as-Shatibi 2011).

Konsep *shaukah* diserlahkan oleh para ulama muktabar berdasarkan analisis terperinci terhadap nas-nas syarak yang bersifat *kulli* atau menyeluruh, yang menunjukkan kehendak syarak agar Islam berada pada tahap kuasa yang mampu menundukkan mana-mana kuasa yang menentang. Perkara ini juga dapat dianalisis daripada tingkah laku siasah Nabi S.A.W. di sepanjang liku-liku perjuangan Baginda menegakkan Islam di bumi Semenanjung Tanah Arab dan sekitarnya. Kefahaman yang mendalam terhadap keseluruhan hukum dan dalil yang berkaitan dengan pemerintahan atau *al-imamah*, serta pengamatan yang luas tentang hikmah dan *maqasid* di sebalik hukum-hukum tersebut, menyebabkan para ulama telah menggariskan konsep *shaukah* sebagai penanda aras tahap kuasa minima yang wajib diusahakan, ketika berdepan dengan situasi wujudnya persaingan dan perebutan kuasa dalam kalangan orang Islam, agar konflik yang berlaku tidak menatijahkan situasi ketidakstabilan yang seterusnya mengundang campur tangan orang bukan Islam. Tuntutan agar umat Islam memiliki *shaukah* ini lebih kritikal, apabila persaingan dan perebutan kuasa itu melibatkan orang bukan Islam, melalui sistem demokrasi yang diamalkan sekarang.

Sehubungan itu, *masalah* paling utama yang wajib diusahakan oleh umat Islam ketika berhadapan dengan era kontra hegemoni politik Melayu ialah mendapatkan tahap kuasa *shaukah*, sebagai prasyarat untuk melaksanakan segala tuntutan syarak yang lain, dalam konteks politik dan pemerintahan Islam. Bagaimanapun, tuntutan *shaukah* ini tidak relevan, malah berisiko diruntuhkan tanpa sedar, jika umat Islam tidak menjadikan kehendak syarak sebagai neraca pertimbangan dalam tingkah laku politik mereka.

## RUJUKAN

### Buku

- al-Attas, S. M. N. (2020). *Islam dan Sekularisme*. Kuala Lumpur: RZS-CASIS.
- al-Badawi, Y. A. (2012). *Maqasid al-Syari'ah 'Inda Ibnu Taimiyah (Maqasid Syariah di sisi Ibnu Taimiyah)*. Arab Saudi: Daru al-Sumai'e.
- al-Bayati, M. H. (1994). *Al-Nizam al-Siasi al-Islami Muqaranan bi al-Daulah al-Qanun*. Amman: Dar al-Bashir.
- al-Dib, A. A. (1985). *Fiqh Imam al-Haramain Abdul Malik bin Abdullah al-Juwayni*. Doha: Idarah Ihya' al-Turath al-Islami.
- al-Dumayji, Umar, A. (2013). *Al-Imamatu al-'Uzma 'Inda Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Iskandariah: Tabah Media Inc.
- al-Ghazali, A. H. M. (1996). *al-Wasit fi al-Mazhab*. Kaherah: Dar al-Salam.
- al-Ghazali, A. H. M. (1993). *Al-Mustasfa*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Ghazali, A. H. M. t.th. *Fadoih al-Batiniyah*. Kuwait: Darul Kutub al-Thaqafiyah.
- al-Juwayni, A. M. A. (2014). *Ghiyathi al-Umam Fi Iltiyathi al-Zulam*. Beirut: Daru al-Minhaj.
- al-Raysuni, A. (2014). *Nazhoriyatu al-Taqrif wa al-Taghlib*. Kaherah: Daru al-Kalimah.
- al-Raysuni, A. (2020). *Qawa'id al-Maqasid*. London: Muassasah al-Furqan li al-Turath al-Islami.

- Al-Shatibi, Ibrahim bin Musa. 2011. *Unwan al-Ta'rif bi Asrar al-Taklif*. Syria: Resalah Publishers.
- al-Sowi, S. (1992). *Al-Ta'addudiyah al-Siyasiyah fi al-Daulah al-Islamiyah*. t.tp.: Darul Islam al-Duwali.
- al-Sowi, S. (2014). *Fatawa al-Siyasah al-Syar'iyah*. Kaherah: Universidad Internacional de America Latina.
- al-Tabari, M. J. (2000). *Jami' al-Bayan Fi Ta'wil al-Qur'an*. t.tp.: Muassasah al-Risalah.
- Abd al-Salam, al-'Izz Ibnu. 2015. *Qawa'id al-Ahkam Fi Islah al-Anam*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Awdah, A. Q. t.th. *Al-Tashri' al-Jinai al-Islami*. Beirut: Dar al-Katib al-'Arabi.
- Fauzi, W. A. (2018). *Jurisprudens Watan: Perlembagaan Persekutuan: Teks, Konteks & Isu-isu Ketatanegaraan*. Bangi: Abad Sinergi Sdn Bhd.
- Hassan, A. (2005). *Sistem Pentadbiran Yang Sesuai Dalam Sebuah Negara Islam. Dlm. IKIM (Pnyt.)*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Ibnu al-Qayyim, Bakr, M. A. (1998). *Ahkam Ahli al-Zimmah*. Ad-Dammam: Rumadi li al-Nashri.
- Ibnu al-Qayyim, Bakr, M. A. (2019). *Hidayatul Hayara*. Beirut: Dar Ibni Hazmin.
- Ibnu al-Qayyim, Bakr, M. A. t.th. *Zadul al-Ma'ad Fi Hadyi Khayri al-'Ibad*. t.tp.: Al-Nur al-Islamiyah.
- Ibnu 'Ashur, al-Tohir, M. (1984). *Al-Tahrir Wa al-Tanwir*. Tunis: Dar al-Tunisiyah.
- Ibnu Jama'ah, Ibrahim. M. (1988). *Tahrir al-Ahkam fi Tadbir Ahli al-Islam*. Doha: Dar al-Thaqafah.
- Ibnu Khaldun, Muhammad, A. R. (2017). *Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Giza: Dar Nahdah Misr.
- Kamal, N. A. (2005). *Hak dan Tanggungjawab Pelbagai Kaum di bawah Perlembagaan Malaysia. Dlm. IKIM (pnyt.)*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Kamus Besar Arab-Melayu Dewan. 2021. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majid, A. H. A. (1986). *Muzakirati al-Siyasiyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

## Jurnal

- Abadi, A. M. & Jamil, J. H. (2023). Politik & Perniagaan Dalam PRU-15: Perspektif Elit. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 50(2), 154-181.
- Abidin, N. & Jusoh, A. (2021). Kesan Pemerintahan Kolonial Terhadap Kegiatan Ekonomi Masyarakat Melayu Di Melaka Hingga Era Kemerdekaan. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 5(2), 29-46.
- Ahmad, N. S. Y. & Azidin, N. A. M. (2013). Transisi Kontra Hegemoni Dalam Budaya Politik Melayu Di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu Jilid*, 6(1), 120-137.
- Aziz, S. A., Yaakub, N. I., Yusof, F. M., Hamid, N. A. A., Harun, A. H., Sapuan, N. A., Hassim, M. H. & Salam, N. Z. M. A. (2021). Isu Berkaitan Kedudukan Islam Dalam Perlembagaan. *International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, 1(1), 37-54.
- Bakar, A. Y. A. & Gunardi, S. (2023) Model Wakaf Korporat Sahabat Sebagai Rujukan Model Pembangunan Ummah. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)*, 5(1), 10-21.
- Ghazali, W. N. W. M. (2019). Islam as The State Ideology: Exploring from Gramsci's Notion of Power, Culture and Ideology. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(1), 338-352.
- Hasbullah, M., Yusoff, S. H. & Zakaria, M. Z. (2019). Istibdal Harta Wakaf: Kajian Ringkas Terhadap Peranan Dalam Mengembangkan Produk Wakaf. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, Special Edition*, 16(2), 160-171.
- Nor, S. Z. M. 2011. *Perangkap Perjanjian Pangkor. KANUN : Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 23(2), 267-285.
- Rahman, M. F. A. (2016). Tren Pengundian dan Dinamika Politik Cina di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 1(1), 14-24.

- Rahman, M. I. A. & Musa, M. (2020). Pengukuhan Kedaulatan Dinasti Temenggung Dalam Kesultanan Melayu Johor. *Journal of History Department, University of Malaya*, 29(1), 1-17.
- Rozali, E. A. & Kamaruzaman, A. F. (2011). Perang Dunia Pertama, Deklarasi Balfour dan Kesannya Terhadap Palestin. *International Journal of West Asian Studies*, 3(2), 19-39.
- Shakrani, M. S., Zamzuri, M. S. & Ali, J. (2003). Tinjauan Isu-isu yang Membataskan Penggunaan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Ummah di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 11(2), 73-98.
- Shin, T. H. & Maslan, A. (2022). Persatuan Dan Fungsi Sosial Dalam Masyarakat Cina Di Pulau Pinang Pada Abad ke-18 Sehingga Awal Abad ke-20. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 14(1), 1-17.
- Sukemi, M. N., Berma, M., Baharuddin, S. A. & Shahdan, F. (2018). Pengaruh Tindakan Afirmatif kepada Agihan Kekayaan antara Etnik di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 52(1), 269-281.
- Yaakop, R. (2011). 'Malaysian Malaysia' versus Keabsahan Ketuanan Melayu dan Negara Islam. *Jurnal Melayu*, (6)2011, 121-136.

### **Laman Sesawang**

- Abdul Hamid Mohamad. (2014). Perpecahan Melayu Punca Tuntutan Melampau Bukan Melayu. <https://tunabdulhamid.me/2014/04/perpecahan-melayu-punca-tuntutan-melampau-bukan-melayu/> (diakses pada 3 Disember 2023)
- Ahmad Johari Mohd Ali. (2021). Keabsahan Perdana Menteri Atas Budi Bicara Agung. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/860130/keabsahan-perdana-menteri-atas-budi-bicara-agong> (diakses pada 3 Disember 2023)
- Ali Harb. (2022). US elections: How Pro-Israel Spending Affects Palestine Advocacy. Al-Jazeera. <https://www.aljazeera.com/news/2022/6/7/us-elections-how-pro-israel-spending-affects-palestine-advocacy> (diakses pada 20 Jan 2023)
- Fouziah Amir. (2021). Wakaf Mampu Bebaskan Ekonomi Negara. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/151344/berita/nasional/wakaf-mampu-bebaskan-ekonomi-negara> (diakses pada 20 Dis 2023)
- Ilah Hafiz Aziz. (2019). Aset Wakaf Kurang Jana Ekonomi Ummah - Wan Azizah. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/11/627367/aset-wakaf-kurang-jana-ekonomi-ummah-wan-azizah> (diakses pada 15 Dis 2023)
- Jimadie Shah Othman. (2010). Pakar Setuju Bukan Melayu Boleh Jadi PM. Malaysia Kini. <https://www.malaysiakini.com/news/124955> (diakses pada 3 Disember 2023)
- Juhaidi Yean Abdullah. (2014). Kaum Cina, India manfaat DEB. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2014/10/9780/kaum-cina-india-manfaat-deb> (diakses pada 29 Dis 2023)
- Kosmo. (2021). Pegangan Ekuiti Bumiputera Cuma 17.2 Peratus. <https://www.kosmo.com.my/2021/09/27/pegangan-ekuiti-bumiputera-cuma-17-2-peratus/> (diakses pada 24 Dis 2023)
- Rosalwani Che Soh. (2021). Tiada Parti Melayu Dominan. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/128057/berita/politik/tiada-parti-melayu-dominan> (diakses pada 23 Mac 2022)
- Siva Selan. (2020). Adakah Kartel Perniagaan Berasaskan Kaum Sudah Berakhir? <https://www.malaysianow.com/my/news/2020/12/17/adakah-kartel-berasaskan-kaum-sudah-sampai-ke-penghujung> (diakses pada 25 Dis 2023)
- Zulkifli Mohamad. (2018). Bayan Linnas Siri Ke 129: Mengundi Calon Bukan Muslim Dalam Pilihanraya. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2367-bayan-linnas-siri-ke-129-mengundi-calon-bukan-muslim-dalam-pilihanraya> (diakses pada 20 Jan 2024)

Zulkilfi Mohamad. (2023). Monopoli Barang Dalam Islam dan Syor Mengatasinya. Al-Mawaqif. <https://zulkifliabakri.com/36-monopoli-barang-dalam-islam-dan-syor-mengatasinya/> (diakses pada 25 Dis 2023)

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*